

## **BUDAYA PERKAHWINAN SEMASA USIA MUDA**

Oleh : Nurul Zahirah binti Nazrin, 1171769,  
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)  
*Disiarkan pada 27 July 2020*



Berkahwin merupakan salah satu perkara yang dituntut oleh Islam terhadap umatnya dan antara sunnah besar Rasulullah SAW.

Namun, berkahwin pada usia muda pada masa ini dianggap sebagai satu isu kerana kebanyakan golongan muda dikatakan masih lagi mentah dalam menjalani kehidupan rumah tangga.

Melihat realiti semasa, perkahwinan pada usia muda turut disusuli dengan kes-kes perceraian yang semakin banyak berlaku.

Kira-kira 80 peratus daripada jumlah keseluruhan kes perceraian di negara ini adalah dalam kalangan umat Islam.

Penasihat Pusat Krisis Sehenti Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), Prof Madya Siti Hawa Ali berkata, perkara tersebut merupakan masalah besar yang sangat membimbangkan.

Beliau menyatakan terdapat lebih 50,000 kes perceraian di negara ini dan 40,000 daripada jumlah tersebut melibatkan umat Islam.



Pelbagai sebab yang dikenal pasti menjadi punca perceraian berlaku dalam golongan muda seperti tiada persefahaman antara pasangan dan tidak bertanggungjawab.

Fenomena cinta monyet adalah salah satu faktor penting mengapa segelintir pasangan berkahwin dalam usia muda.

Antara alasan mereka adalah untuk mengelakkan diri daripada bercinta yang dikhuatiri boleh membawa kepada banyak keburukan.

Gejala berpasang-pasangan yang menular dalam kalangan pelajar boleh membawa kepada dua perkara iaitu positif dan negatif.

Tambahan pula, terdapat halangan daripada ibu bapa yang masih belum menerima anak-anak mereka berkahwin semasa masih belajar.

Walaupun begitu, ibu bapa dan pelajar perlu memahami tentang hukum perkahwinan. Sesiapa yang ingin berkahwin, hukumnya ada tiga.

Sunat hukumnya jika mempunyai kemampuan dan mampu mengawal nafsu dan wajib jika mempunyai kemampuan dan tidak mengawal nafsu. Akhir sekali, makruh jika tidak mempunyai kewangan tetapi tidak boleh mengawal nafsu.

Anak muda jika benar mahu mendirikan rumah tangga, janganlah bersikap seperti peribahasa Melayu 'hangat-hangat tahi ayam'.

Pada mulanya mereka sangat bersemangat namun setelah berkahwin, mereka mula bersikap sambil lewa dan tidak serius terhadap rumah tangga yang dibina.

Semangat berkobar-kobar hanya untuk bulan-bulan terawal. Kemudian apabila didatangi perasaan bosan dan terbeban sehingga sampai ke tahap mahu membubarkan perkahwinan. Perkara inilah yang ditakuti dan dibimbangi.

Golongan muda sepatutnya sedar bahawa perkahwinan merupakan langkah pertama ke arah membina keluarga bahagia.

Pengetahuan tentang ilmu rumah tangga adalah amat penting bagi setiap pasangan yang berkahwin.

Sebaik-baiknya bina keluarga dengan berasaskan ajaran Islam yang sebenar. Insya-Allah rumah tangga yang dibina pada usia muda kekal bahagia sehingga ke akhir hayat.